

12/07/1999

Kurikulum baru akan diperkenal

Ebi Azly Abdullah; Maznah Darus

KUALA LUMPUR, Ahad - Kementerian Pendidikan akan memperkenalkan kurikulum baru sekolah yang menitikberatkan aspek teknologi maklumat (IT) tidak lama lagi, kata Timbalan Menteri, Datuk Dr Fong Chan Onn.

Beliau berkata, kementeriaannya sependapat dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kurikulum dan mata pelajaran di sekolah perlu dikaji semula.

"Malah, kami sedang mengkaji kurikulum berkenaan, termasuk kandungan mata pelajaran sedia ada untuk menyesuaikan dengan keperluan semasa. Dengan perubahan mendadak dalam bidang IT, masa sudah tiba untuk mengkaji semula bidang berkenaan.

"Perubahan dalam bidang pendidikan itu akan dilaksanakan secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MCA di Wisma MCA di sini, hari ini.

Semalam, Dr Mahathir berkata sistem pendidikan negara perlu perubahan radikal, termasuk di universiti kerana kebanyakan mata pelajarannya tidak sesuai dengan keperluan negara bagi menghadapi cabaran era teknologi dan alaf mendatang. Perdana Menteri berkata rombakan besar-besaran perlu bagi memastikan rakyat terutamanya generasi muda dilengkapi dengan pengetahuan sesuai dengan teknologi yang semakin menguasai kehidupan manusia.

Dr Fong yang juga Naib Presiden MCA, berkata kajian terperinci akan mengambil kira semua mata pelajaran yang berkait rapat dengan bidang IT.

"Bagaimanapun, kita tidak akan menghapuskan sama sekali mata pelajaran sedia ada. Apa yang dilakukan ialah mengkaji cara menyerap mata pelajaran sedia ada kepada subjek dan kurikulum baru," katanya.

DI Georgetown, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Perancangan Ekonomi dan Penerangan negeri, Datuk Dr Toh Kin Woon, menyokong cadangan itu, tetapi menekankan peranan beberapa mata pelajaran tradisional yang perlu dikekalkan dalam kurikulum pendidikan negara.

"Saya bersetuju dan menyokong jika Kementerian Pendidikan melaksanakan perubahan itu. Tetapi saya harap beberapa mata pelajaran seperti sejarah, agama dan sosiologi dapat dikekalkan agar generasi muda tidak hilang nilai kemanusiaan apabila sudah berada dalam era teknologi kelak," katanya ketika dihubungi, pagi ini.

(END)